

## **Definisi remaja dan pembentukan konsep kendiri Dalam hubungannya dengan keluarga**

Azizi bin Hj Yahaya

Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Memahami individu remaja itu sendiri adalah penting agar kita dapat menyelami kehendak dan keperluan baik dari segi psikologi, sosiologi supaya mereka dapat berkembang secara positif dan mampu membina kendiri yang teguh dan bersedia menghadapi cabaran dan halangan dalam proses memaknakan hidup ini.

Zaman peralihan antara kanak-kanak dan dewasa ini memberikan signifikan kepada kehidupan mereka akan datang kerana di waktu inilah mereka membina konsep kendiri yang kukuh dengan penuh kesedaran akan kemahuan, perubahan dan kelakuan yang pasti berlaku supaya mereka mampu menjadikan diri mereka sebagai remaja sebenar. Walaupun mereka sering mengubah identiti dan konsepnya namun perubahan-perubahan ini menyokong perkembangan individu remaja ke arah kematangan dan mempersiapkan diri untuk menghadapi alam dewasanya.

Ibu bapa mempunyai berbagai-bagai pengaruh ke atas perkembangan kendiri anak-anak. Sejak kelahirannya hingga ke alam remaja, ibu bapa dan keluarga adalah orang yang paling hampir dengannya. Pembelajaran sosial berlaku melalui pemerhatian, peniruan dan pengukuhan akan tingkah laku ibu bapa sehingga sebahagian besar kepercayaan, nilai, budaya dan tingkah laku adalah diwarisi dan sebahagiannya kekal menjadi konsep diri manakala sebahagiannya lagi mengubahsuai apa yang dipelajari daripada ibu bapa bagi membentuk identiti yang diingini.